

Suhaimi mintalaporan London Times disiasat

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

KUALA LUMPUR, Khamis — Majlis Akhbar British mesti menyalasat dan mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang membuat laporan mengenai Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia, Datuk Haji Suhaimi Datuk Haji Kamaruddin ketika membuat gesaan itu berkata, laporan tersebut sungguh mengelirukan dan ia merupakan satu cara mengeksploitasikan kebebasan akhbar.

Bellau berkata demikian sebagai mengulas sebuah laporan akhbar terbesar Britain, London Times yang menyebut bahawa Datuk Seri Dr. Mahathir menggunakan perterjemah dalam rundingan dengan Setiausaha Pertahanan British, Encik John Nott dan membuat bellau gelisah.

Jabatan Perdana Menteri menafikan laporan tersebut dan menganggapnya sebagai satu laporan yang tidak benar dan tidak berasas.

Datuk Haji Suhaimi berkata, London Times sebagai sebuah akhbar terbesar tidak sepatutnya menyiarkan berita yang tidak berasas itu.

"Majlis Akhbar British sebagai sebuah pertubuhan yang terkenal adilnya selama ini dalam mengawal etika kewartawanan di Britain kini diperhati keadilannya," kata bellau.

Bellau menegaskan, Pergerakan Pemuda UMNO akan terus menyokong Perdana Menteri di atas tindakannya terhadap firma British sekarang ini.